

**Mahathir:  
Saya tidak  
pernah ragu  
sokongan  
Ghafar**

SUBANG: 30 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak pernah menaruh sebarang keraguan terhadap sokongan timbalannya, Encik Ghafar Baba.

Menurut Dr. Mahathir, tidak pernah terlintas di hatinya bahawa beliau dan kerajaan yang ditadbirnya tidak mendapat sokongan daripada Ghafar.

"Ini cuma tuduhan orang lain yang hendak memecahbelahkan perpaduan," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Subang, di sini, hari ini kembalinya dari lawatan ke Namibia, Tunisia dan menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 di Dakar, Senegal.

### **Suka**

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Ghafar dalam Wawancara Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) minggu lalu bahawa beliau (Ghafar) akan terus memberi sokongan kepada Dr. Mahathir tanpa menghiraukan kedudukannya sendiri.

Ghafar berkata, beliau dengan suka hatinya akan mengundurkan diri jika khidmatnya tidak lagi diperlukan oleh parti.

Dalam wawancara tersebut juga, Ghafar berkata, beliau suka Dr. Mahathir memegang jawatannya sekarang seberapa lama yang dia mahu dan berharap akan terus menerajui LJMNO dan memimpin negara seberapa lama yang boleh.